SIRC kaji pulau kecil di Sabah



*Penyelidik SIRC UMS **membuat kajian terhadap satu penempatan di sebuah pulau kecil** berhampiran Wilayah Persekutuan Labuan.*

[FOTO WILLIE JUDE JUNAIDI / BH]

BH 23.10.2014 V6

Oleh Willie Jude Junaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mewujudkan Pusat Penyelidikan Pulau-Pulau Kecil (SIRC) bagi menjalankan kajian terhadap semua pulau kecil di negeri ini, bertujuan menjana penemuan fakta baharu berkaitan kepulauan selain menambah baik hasil penyelidikan sedia ada.

Berdasarkan sumber Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Sabah diliputi kawasan perairan yang luas dengan Laut China Selatan di pantai barat dan Laut Sulu di pantai timur dengan jumlah pulau terbanyak di negara ini iaitu 394.

Ini termasuk pulau kecil yang berselerak sekitar sempadan perairan Sabah dan Filipina serta Indonesia yang semua pulau itu penting kepada negara kerana menjadi penentu perluasan kawasan perairan seperti dalam Peta Pelantar Benua Malaysia 1979.

Pelancaran SIRC di sempurnakan oleh Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Pang Nyuk Ming dan dihadiri Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bangunan Canselori UMS di sini, baru-baru ini.

Menerajui kajian

Menjelaskan mengenai penyelidikan itu, Dr Mohd Harun berkata, UMS harus mengorak langkah menerajui kajian terhadap pulau kecil di Sabah menerusi penubuhan SIRC yang akan menggembleng tenaga pakar dan sumber penyelidikan berkaitan sama ada menerusi institusi penyelidikan di UMS atau institusi luar.

"Kajian yang akan dijalankan kelak membabitkan dua kategori pulau iaitu 'Pulau Kecil' dan 'Pulau Sangat Kecil' atau dikenali 'Micro Island'," katanya sambil menambah penyelidikan itu adalah yang pertama di negara ini.

Beliau berkata, penyelidikan SIRC dibahagikan kepada dua kluster iaitu sains dan bukan sains.

"Kluster sains menumpukan bidang seperti geologi, sains persekitaran, bioteknologi, pemuliharaan biologi, kesihatan dan sains marin.

"Sementara kluster bukan sains menumpukan bidang sejarah, geografi fizikal, ekonomi, arkeologi, kesenian dan kebudayaan, perundangan, pelancongan, keselamatan, linguistik, migrasi, kependudukan, manusia tanpa negara dan pendatang tanpa izin.

"Dengan penubuhan SIRC ini, setiap pulau yang terbabit dalam lingkungan penyelidikan dapat dikenal pasti potensinya bagi tujuan pembangunan ekonomi pelancongan dan strategik," katanya.

Hasil penyelidikan dalam pelbagai disiplin ilmu itu juga akan disatukan dalam pangkalan data untuk perkongsian bersama agensi berkaitan termasuk Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Jabatan Laut, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Taman-taman Sabah serta Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM).

Pelan strategik

Mengulas lanjut, Dr Mohd Harun berkata, beberapa perancangan dan pelaksanaan digariskan bagi memastikan objektif penubuhan pusat berkenaan dapat dicapai.

"Antaranya menyediakan pelan strategik penyelidikan, menubuhkan ruang sehenti pengurusan penyelidikan, merangka kerjasama dengan institusi tempatan dan antarabangsa, menjana selain memperbanyak geran penyelidikan," katanya.

Sementara itu, Yuk Ming berkata, SIRC mampu membantu kerajaan menangani pencerobohan dan penculikan di pantai timur Sabah, khususnya melalui bancian penduduk di setiap pulau kecil.

"Jika kita berfikir dalam konteks 'si penceroboh', sudah pasti ini (pulau kecil) menjadi kelebihan kepada mereka untuk memudahkan perjalanan masuk ke negara ini.

"Mereka (penceroboh) juga boleh berpura-pura mencari rezeki sebagai nelayan di sebalik niat durjana merealisasikan angan-angan menakluki Sabah," katanya sambil menyatakan keyakinan hasil kajian SIRC mampu menjadi kunci utama kepada pasukan keselamatan pada masa akan datang bagi memburu penceroboh jika tragedi sama berulang.

***Pasukan penyelidik** dari SIRC UMS.*